



**GARIS PANDUAN SKIM ZAMALAH PENYELIDIKAN  
(BANTUAN YURAN PENGAJIAN SAHAJA)  
SEMESTER 1 2022/2023**

**1.0 LATAR BELAKANG**

- 1.1 Melalui minit mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan Bil.2/2020 bertarikh 11 Mac 2020 dan juga petikan minit mesyuarat Senat ke-466 bertarikh 17 Jun 2020, Universiti telah bersetuju bahawa tadbir urus Skim Zamalah Penyelidikan akan dilaksanakan dan diuruskan oleh Pusat Siswazah di bawah Unit Anugerah dan Biasiswa.
- 1.2 Pusat Siswazah akan meneruskan tawaran zamalah ini pada Semester 1 Sesi Akademik 2022/2023.

**2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Untuk menarik calon warganegara dan calon luar warganegara yang berminat untuk mengikuti pengajian pascasiswazah secara mod penyelidikan di UKM dengan pembiayaan yuran pengajian semester pertama dan kedua tertakluk kepada prestasi pelajar.
- 2.2 Untuk mengukuhkan dan meningkatkan output penyelidikan di UKM melalui peningkatan pengambilan pelajar pascasiswazah yang cemerlang (mod penyelidikan) serta peningkatan bilangan penerbitan.

**3.0 SYARAT PELANTIKAN**

**3.1 Syarat Umum**

- 3.1.1 Calon **telah menerima surat tawaran kemasukan daripada UKM** bagi pengajian Sarjana atau Doktor Falsafah melalui mod penyelidikan secara sepenuh masa;
- 3.1.2 Permohonan baharu hanya terbuka kepada calon **yang belum mendaftar ATAU berada dalam semester pertama dan kedua** pengajian adalah layak untuk memohon.
- 3.1.3 Permohonan hanya untuk pelajar yang mengikuti pengajian secara **sepuh masa sahaja**;
- 3.1.4 Pemohon mesti mempunyai cadangan penyelidikan yang diperaku oleh penyelia;
- 3.1.5 Pelantikan adalah terbatal secara automatik sekiranya didapati calon

**menangguhkan/ditamatkan pengajian/menerima sebarang bentuk biasiswa atau sokongan kewangan** yang tidak dinyatakan semasa permohonan. Walau bagaimanapun bagi calon yang menangguhkan pengajian, pertimbangan penangguhan untuk Skim Zamalah ini boleh diberikan tertakluk kepada pertimbangan yang dibuat oleh PS;

- 3.1.6 Pemohon tidak menerima sebarang bentuk biasiswa atau sokongan kewangan lain dan tidak terlibat dalam sebarang jenis pekerjaan sama ada bergaji atau tidak. Walau bagaimanapun, penajaan atau biasiswa yang tidak berkaitan dengan yuran pengajian adalah boleh dipertimbangkan oleh panel dan jawatankuasa penilai.

### **3.2 Syarat Mengikut Peringkat Pengajian Calon**

#### **3.2.1 Calon Pengajian Sarjana**

- a. Terbuka kepada calon Warganegara sahaja;
- b. Memperoleh keputusan yang baik (PNGK  $\geq$  3.00) semasa dalam pengajian ijazah sarjana muda ATAU kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia;
- c. Calon yang mempunyai rekod penerbitan dalam penghasilan artikel dalam jurnal dan/atau prosiding akan diberikan keutamaan untuk dipertimbangkan.

#### **3.2.2 Calon Pengajian Doktor Falsafah**

- a. Terbuka kepada calon Warganegara dan Bukan Warganegara;
- b. Lulus sarjana secara mod penyelidikan dengan Rekod Penerbitan:
  - i. Calon dari bidang Sains Teknologi telah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) hasil penerbitan dalam jurnal yang terindeks oleh WoS/SCOPUS/ERA dalam tempoh 3 tahun kebelakang.
  - ii. Calon dari bidang Sains Sosial telah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) hasil penerbitan dalam jurnal yang terindeks oleh WoS/SCOPUS dalam tempoh 3 tahun kebelakang.
- c. Memperoleh keputusan yang baik (PNGK  $\geq$  3.50) semasa dalam pengajian Sarjana secara kursus / mod campuran ATAU kelayakan yang setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Keutamaan akan diberikan kepada calon dengan Rekod Penerbitan:
  - i. Calon dari bidang Sains Teknologi telah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) hasil penerbitan dalam mana-mana penerbitan terindeks oleh WoS/SCOPUS/ERA dalam tempoh 3 tahun kebelakang.
  - ii. Calon dari bidang Sains Sosial telah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) hasil penerbitan dalam mana-mana

penerbitan yang terindeks oleh WoS/SCOPUS/ERA dalam tempoh 3 tahun kebelakang.

### 3.3 Syarat Untuk Penyelia

- 3.3.1 Penyelia mesti merupakan kakitangan akademik yang aktif mengikut definisi glosari MyRA®;
- 3.3.2 Penyelia perlulah menjadi **ketua projek** bagi sekurang-kurangnya satu (1) projek penyelidikan aktif (tempoh projek mesti sekurang-kurangnya 1 tahun dari tarikh permohonan) dan mempunyai dana yang mencukupi bagi menyokong penyelidikan calon sepanjang tempoh penerimaan Skim Zamalah ini;
- 3.3.3 Rekod Penerbitan:
  - a. Penyelia dari bidang Sains Teknologi perlulah sekurang-kurangnya mempunyai dua (2) penerbitan dalam jurnal terindeks (WoS/SCOPUS/ERA) sebagai penulis utama atau penulis koresponding dalam tempoh satu (1) tahun sebelumnya.
  - b. Penyelia dari bidang Sains Sosial perlulah sekurang-kurangnya mempunyai satu (1) penerbitan dalam jurnal terindeks (WoS/SCOPUS/ERA) sebagai penulis utama atau penulis koresponding dalam tempoh satu (1) tahun sebelumnya.

## 4.0 KAEDAH PEMBIAYAAN

- 4.1 Pembiayaan Skim Zamalah Penyelidikan ini adalah menggunakan dana Universiti Penyelidikan;
- 4.2 Sokongan kewangan ini akan diberikan kepada pelajar berdasarkan semester pengajian mengikut kalendar akademik UKM;
- 4.3 Pelajar yang layak dipertimbangkan akan menerima **bantuan yuran pengajian sahaja**. Semua pelajar termasuk bukan warganegara perlu mempunyai akaun bank Malaysia (**CIMB Bank Berhad**) bagi tujuan pemulangan semula yuran pengajian ini;
- 4.4 Penerima Skim Zamalah perlu memajukan laporan prestasi penyelidikan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum semester baharu bermula mengikut format yang ditetapkan;
- 4.5 Pertimbangan dan perakuan untuk pelanjutan bagi semester seterusnya akan dibuat berdasarkan prestasi penyelidikan pelajar dan tertakluk kepada kecukupan baki peruntukan.

## 5.0 PROSEDUR PERMOHONAN

### 5.1 Permohonan Baru

- 5.1.1 **Calon yang belum mendaftar ATAU berada dalam semester pertama dan kedua** pengajian adalah layak untuk memohon;

- 5.1.2 Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan dengan mengemukakan dokumen sokongan seperti dalam senarai semak:
- 5.1.3 Pemohon perlu mendapatkan perakuan Penyelia yang dicadangkan;
- 5.1.4 Cadangan penyelidikan (maksimum 5 muka surat) perlu merangkumi perkara seperti berikut:
  - a. Tajuk Penyelidikan / Research Title
  - b. Ringkasan Eksekutif / Executive Summary
  - c. Latar Belakang Penyelidikan / Background of Research
  - d. Metodologi Kajian / Research Methodology
  - e. Jangkaan Output / Expected Output
  - f. Lampiran Carta Perbatuan / Milestone

## 6.0 KRITERIA PENILAIAN

- 6.1 Penilaian akan dibuat melalui bengkel Penilaian oleh Jawatankuasa Penilai yang dilantik;
- 6.2 Kriteria yang dinilai adalah termasuk:
  - 6.2.1 **Permohonan Baru**
    - a. Kelayakan Akademik Pemohon
    - b. Syarat kelayakan Penyelia – Status, Penerbitan, Projek Penyelidikan
    - c. Rekod Penerbitan Pemohon
    - d. Potensi menghasilkan penerbitan
    - e. Cadangan penyelidikan

## 7.0 PENCAPAIAN PENERBITAN DALAM TEMPOH LANTIKAN

- 7.1 Pencapaian penerbitan yang perlu dicapai dalam tempoh lantikan adalah seperti berikut:

KPI	Sarjana	Doktor Falsafah
KPI 6 bulan pertama/ Semester 1	Sekurang – kurangnya satu (1) naskah DIHANTAR ke jurnal terindeks (WoS/SCOPUS/ERA)	Sekurang – kurangnya satu (1) naskah DIHANTAR ke jurnal terindeks (WoS/SCOPUS)
KPI 6 bulan kedua/ Semester 2	Sekurang – kurangnya satu (1) naskah DITERIMA untuk diterbitkan di dalam jurnal terindeks (WoS/SCOPUS/ERA)	Sekurang – kurangnya satu (1) naskah DITERIMA untuk diterbitkan di dalam jurnal terindeks (WoS/SCOPUS)

**8.0 PENERIMAAN TAWARAN**

Calon yang menerima tawaran dikehendaki menandatangani **Surat Akuan Penerimaan Tawaran Skim Zamalah** dan mengembalikannya kepada PS dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat tawaran.

Disediakan oleh  
**Pusat Siswazah UKM**  
**15 Julai 2022**